

19/05/2000

Kelas pengajian agama: Kerajaan negeri sedia bekerjasama

SEREMBAN, Khamis - Kerajaan negeri sedia memberi kerjasama terhadap langkah mewajibkan kakitangan kerajaan menghadiri kelas pengajian agama setiap Sabtu yang diselenggarakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim).

Malah, langkah itu perlu diperluaskan di semua jabatan, termasuk sekolah bagi memberikan kefahaman mengenai tuntutan agama yang betul dan membanteras penyelewengan agama oleh pihak tertentu.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pendidikan, Belia dan Sukan negeri, Zakaria Nordin, berkata usaha itu amat berkesan untuk dilaksanakan kerana mampu menangani dakwah pihak tertentu yang bermotifkan politik.

Katanya, penyebaran dakwah dengan cara yang tersusun dan terancang dapat memberikan kefahaman lebih jitu kepada umat Islam, sekali gus mengelak daripada terkeliru dengan ceramah agama berbaur politik.

"Kita sedia bekerjasama dengan Yadim dalam menyediakan keperluan bagi memastikan program berkenaan berjalan lancar dan mencapai matlamat," katanya, di sini hari ini.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Hamid Othman, berkata, kuliah berkenaan yang dikendalikan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan dilaksanakan satu jam sebelum waktu pejabat tamat.

Menurutnya, program itu sebahagian daripada kegiatan yang diatur Yadim selaras dengan penubuhan Majlis Tindakan Islam Nasional (Matin), 19 April lalu.

Hamid berkata, sebelum ini kakitangan yang menghadiri kuliah agama mendengar syarahan politik dan bukannya ceramah agama daripada pensyarah yang dijemput oleh badan kebajikan atau agama secara sukarela.

Mengulas perkara itu, Zakaria berkata kuliah agama secara terancang itu juga membolehkan semua pihak mendapat manfaat dan mengelak daripada sebarang perpecahan antara sesama pekerja dalam jabatan kerajaan.

Mengenai usaha merapatkan hubungan antara pemimpin dan guru seperti yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Zakaria yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ampangan berkata:

"Hubungan sedia ada perlu dimantapkan, walaupun sebelum ini tiada kekangan untuk guru menemui mana-mana pemimpin.

"Apa yang lebih penting lebih banyak perbincangan diadakan bagi menjelaskan kepada golongan itu berhubung pelbagai fakta yang diputarbelitkan oleh sesetengah pihak.

"Tidak ramai golongan ini yang terpengaruh dengan dakwah yang disebarkan terhadap kerajaan. Malah, kita tidak dapat nafikan sumbangan mereka dalam memberikan undi sehingga kerajaan Barisan Nasional (BN) terus mendapat undi majoriti."

Katanya, pemimpin juga harus cuba menerima undangan daripada pihak berkenaan, tetapi dalam masa yang sama mereka harus memahami ada ketika berlaku pertindihan program yang tidak dapat dielakkan.

(END)